

23 SEP 2002

Polis-Nik Aziz

PENIAGA BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP NIK AZIZ

BACHOK, 23 Sept (Bernama) -- Seorang peniaga membuat laporan polis terhadap Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana mendakwa Menteri Besar itu mengeluarkan kenyataan kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca Al-Quran.

Mohd Zain Yassim, 37, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Daerah Polis Bachok di sini pada pukul 5.40 petang semalam.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Mohd Zain mendakwa Nik Aziz mengeluarkan kenyataan itu ketika berucap pada satu majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang di sini, kira-kira 11 malam, Jumaat lepas.

Mohd Zain berkata dalam ucapan itu, Nik Aziz selaku penceramah utama pada malam itu berkata: "Yang jadi peliknya, dia sendiri sebut acap kali dalam ucapan penggulungan, sebelum letak jawatan, saya tak reti baca Quran, bagaimana nak balah dengan orang reti baca Quran".

Mohd Zain yang juga Ketua Pemuda Umno Bachok, mendakwa ucapan itu ditujukan kepada Dr Mahathir yang membuat ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno 2002 yang lepas.

Menurutnya beliau terkilan dengan kata-kata Nik Aziz itu dan beranggapan ia boleh menghasut dengan niat untuk memecah-belahkan rakyat supaya hilang keyakinan terhadap Perdana Menteri.

"Saya dengan sungguh hati meminta pihak polis menyiasat perkara ini dan sekiranya benar maka ia hendaklah dikenakan tindakan mengikut Akta Hasutan atau apa-apa yang sewajarnya dengannya," katanya.

Mohd Zain berkata beliau turut menyerahkan kaset rakaman ucapan Nik Aziz itu kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah Bachok ASP Hafik Jabil mengesahkan polis menerima laporan berhubung perkara itu pada pukul 5.40 petang semalam.

Beliau berkata siasatan akan dilakukan mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah, yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA

BD LAT